

06/09/2003

Umno Kedah mahu Dr M jadi penasihat pilihan raya

ALOR STAR: Umno Kedah mahu melantik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai penasihat Umno dan Barisan Nasional (BN) negeri serta jentera pilihan raya parti di Kedah untuk pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, cadangan daripada Badan Perhubungan Umno negeri itu kerana Dr Mahathir masih berpengaruh dan dihormati serta mampu memberi sumbangan kepada politik Kedah.

"Umno mahukan Dr Mahathir menjadi penasihat kepada pengarah pilihan raya negeri akan datang jika diadakan selepas persaraannya Oktober ini.

"Selain dapat menyumbang dalam bidang politik, Dr Mahathir juga mampu memberi sumbangan untuk ekonomi Kedah kerana sudah membuktikan kemampuannya membangunkan Pulau Langkawi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri program Selamat Hari Jadimu...Karnival 3P (Persahabatan, perpaduan dan perjuangan) anjuran Puteri Umno Kuala Kedah, di padang RTM, di sini.

Syed Razak berkata, Umno negeri sudah membincangkan perkara itu dan akan mengemukakannya kepada Perdana Menteri tidak lama lagi dan yakin Dr Mahathir akan menerima cadangan itu.

Sementara itu, Syed Razak berkata, syarikat penerbangan Jentayu Air akan memulakan perkhidmatan Alor Star-Medan sebanyak dua kali seminggu mulai 13 September ini.

"Kita harapkan perkhidmatan itu dapat menarik pelancong, termasuk mereka yang datang untuk rawatan perubatan serta pelajar dari daerah berkenaan," katanya.

Pada masa sama, Syed Razak berkata Majlis Perniagaan Kedah yang diterajui Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ku Nahar Ku Ibrahim akan mengadakan perbincangan dengan Majlis Perniagaan Medan dan Songkhla, untuk menjadikan Alor Star sebagai transit jemaah haji wilayah itu ke Jeddah, Makkah.

"Kita akan berbincang, masing-masing dengan lima wilayah di Sumatera dan Thailand untuk membolehkan jemaah di sana menggunakan kemudahan di Alor Star untuk menunaikan fardu haji," katanya.